

## NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Notis Perlindungan Data Peribadi (“Notis”) ini menyatakan bagaimana **Tetuan Thomazios, Tanes, Khoo & Paulraj** (“Firma tersebut”) mengumpul, mengguna dan melindungi Data Peribadi yang kamu berikan kepada Firma tersebut. Dengan menggunakan perkhidmatan Firma tersebut atau dengan melayari laman web Firma tersebut ([www.tkplaw.co](http://www.tkplaw.co)) (“Laman Web”), kamu adalah dengan ini bersetuju bagi pemprosesan Data Peribadi kamu oleh Firma tersebut di dalam perkhidmatan ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang kamu perlukan daripada Firma tersebut (“Perkhidmatan-Perkhidmatan”).

### 1. DATA PERIBADI

- 1.1 “Data Peribadi” yang kamu berikan ataupun yang telah diberikan kepada Firma tersebut termasuk nama kamu, maklumat perhubungan, alamat, alamat emel, nombor Kad Pengenalan atau nombor pasport, maklumat akaun bank.
- 1.2 Selain daripada Data Peribadi yang kamu berikan kepada Firma tersebut secara langsung (sama ada ketika menggunakan perkhidmatan kami ataupun semasa sebarang komunikasi dengan Firma tersebut), Firma tersebut juga mungkin akan memperoleh Data Peribadi kamu daripada pelbagai sumber lain, termasuk tanpa had, dari alat carian talian, maklumat yang diperoleh daripada pihak ketiga melalui sumber yang sah termasuk tetapi tidak terhad kepada **Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia**, atau di acara-acara yang dianjurkan atau disertai oleh Firma tersebut.
- 1.3 Berkenaan dengan data peribadi bagi pihak ketiga seperti pasangan kamu dan ahli-ahli keluarga kamu, kamu dengan ini menjamin bahawa kamu telah mendapatkan persetujuan mereka untuk membenarkan kami untuk memproses data peribadi mereka dan kamu akan melanjutkan satu salinan Notis ini kepada mereka.

### 2. TUJUAN MEMPROSES DATA PERIBADI

- 2.1 Dengan menggunakan perkhidmatan Firma tersebut, kamu dengan ini bersetuju dan membenarkan Firma tersebut menggunakan dan memproses Data Peribadi kamu yang telah diberikan kepada Firma tersebut, dalam cara dan untuk tujuan yang dinyatakan di bawah:
  - (1) untuk tujuan bagi Perkhidmatan-Perkhidmatan tersebut;
  - (2) untuk menyediakan apa-apa dokumen atau surat cara yang dikehendaki bagi tujuan yang dinyatakan di dalam subperenggan (1) di atas dan apa-apa kerja sampingan lain yang berkaitan dengan subperenggan (1) di atas, termasuk tetapi tidak terhad kepada, penyediaan kontrak atau perjanjian atau surat cara yang melibatkan kamu, penyediaan perjanjian pinjaman dan penyediaan affidavit-afidavit;
  - (3) untuk memberi maklumat yang diperlukan kepada mana-mana pihak berkuasa atau kerajaan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan atau keperluan kerajaan;
  - (4) untuk tujuan pentadbiran dalaman Firma tersebut termasuk tujuan penyemakan asal usul dan konflik;

- (5) untuk Firma berkomunikasi dengan kamu; dan
  - (6) untuk Firma mematuhi obligasinya di bawah undang-undang atau mana-mana peraturan-peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa atau kerajaan.
- 2.2 Ia adalah secara sukarela bagi kamu untuk membekalkan Data Peribadi kamu kepada Firma tersebut. Tetapi, jika kamu tidak ingin berikan Data Peribadi kamu, Firma tersebut mungkin tidak dapat:
- (1) memberikan perkhidmatan yang kamu perlukan; atau
  - (2) berkomunikasi dengan kamu.
- 2.3 Firma tersebut juga mungkin akan menggunakan dan memproses Data Peribadi kamu untuk tujuan lain seperti:
- (1) untuk menghantar kepada kamu kad-kad ucapan, surat berita, artikel-artikel dan rencana-rencana lain, mengedar maklumat acara, persidangan, ceramah dan seminar yang mungkin menarik minat kamu; dan
  - (2) sebagai rujukan kepada editor / penyelidik, penerbitan, laporan dan jurnal, dan bakal pelanggan yang inginkan maklumat rujukan bagi kerja-kerja yang pernah kami kendalikan,

jika ada, melalui emel atau mel.

Jika kamu tidak bersetuju bagi Firma tersebut memproses Data Peribadi kamu untuk tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 2.3 ini, sila maklumkan kepada Firma tersebut dengan menghubungi Firma tersebut melalui butiran hubungan yang dinyatakan dalam perenggan 5.1 di bawah.

### **3. PENDEDAHAN DATA PERIBADI**

- 3.1 Data Peribadi kamu yang diberikan kepada Firma atau diperoleh oleh Firma tersebut akan disimpan sulit oleh Firma. Akan tetapi, ia mungkin perlu bagi Firma tersebut untuk menggunakan pihak ketiga, pembekal perkhidmatan atau individu-individu untuk melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu bagi pihak Firma tersebut. Dalam situasi ini, kamu dengan ini bersetuju dan membenarkan Firma tersebut untuk mendedahkan dan memindahkan Data Peribadi kamu kepada pihak ketiga, mahupun di dalam atau di luar Malaysia, termasuk tanpa had, seperti yang berikut:
- (1) bank dan institusi kewangan;
  - (2) syarikat insuran;
  - (3) syarikat yang membekal kemudahan penyimpanan (*storage facility*);
  - (4) penasihat luar dan penasihat profesional yang lain, seperti juruaudit; dan

- (5) mana-mana pihak lain sebagaimana Firma tersebut fikirkan perlu bagi tujuan yang dinyatakan di dalam perenggan 2 di atas.
- 3.2 Firma tersebut juga akan mendedahkan dan memindahkan maklumat tersebut kepada mana-mana badan-badan berkanun, badan-badan pengawal aturan dan/atau pihak berkuasa kerajaan di mana adalah perlu untuk berbuat demikian di bawah undang-undang.

#### **4. EMEL DAN LAMAN WEB**

- 4.1 Sebarang Data Peribadi yang terkandung di dalam emel dan mesej “Hubungi Kami” yang dihantar melalui Laman Web Firma tersebut hendaklah digunakan dan diproses mengikut cara yang dinyatakan di dalam Notis ini. Kandungan mesej-mesej tersebut akan diselia ketat oleh Firma tersebut.
- 4.2 Jika kamu tidak inginkan Data Peribadi kamu dikumpul melalui “*cookies*” di Laman Web, sila konfigurasi internet kamu untuk memadamkan atau menyahaktifkan “*cookies*”.
- 4.3 Laman Web Firma tersebut mungkin mengandungi sambungan ke laman web dan laman-laman lain. Firma tersebut tidak bertanggungjawab bagi apa-apa Data Peribadi atau maklumat yang kamu berikan kepada entiti lain melalui sambungan-sambungan tersebut.

#### **5. PERMINTAAN UNTUK AKSES DAN PERTANYAAN**

- 5.1 Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini sama ada memohon untuk mendapat akses kepada, atau memohon untuk pembetulan dibuat ke atas Data Peribadi kamu (tertakluk kepada sebarang bayaran, jika berkenaan), atau mengehendkan pemprosesan Data Peribadi kamu oleh Firma tersebut, yang mana berkenaan, tetapi tertakluk kepada pengecualian dan sekatan sebagaimana yang terkandung di bawah undang-undang yang terpakai. Jika kamu ingin berbuat demikian, sila hubungi:

**Managing Partner**

**Alamat: D-05-03, Plaza Kelana Jaya, Jalan SS7/13A, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan**

**Tel: +603-7865 8071**

**Faks: +603-7865 8072**

**Emel: [inquiry@tkplaw.co](mailto:inquiry@tkplaw.co)**

Anda juga boleh menghubungi Firma tersebut melalui butir-butir hubungan di atas jika kamu mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan Data Peribadi kamu yang diberikan kepada Firma tersebut.

- 5.2 Sila ambil perhatian bahawa Firma tersebut mempunyai hak untuk menolak permintaan kamu untuk mendapat akses dan/atau membuat sebarang pembetulan terhadap Data Peribadi kamu, setakat mana yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai.
- 5.3 Sekiranya terdapat apa-apa perubahan di dalam Data Peribadi anda, anda adalah dikehendaki untuk menghubungi dan memaklumkan Firma tersebut dengan secepatnya melalui butir-butir hubungan yang terkandung di perenggan 5.1 di atas.

**6. AM**

- 6.1 Firma tersebut berhak untuk meminda atau mengubah suai Notis ini dari semasa ke semasa.
- 6.2 Notis Perlindungan Data Peribadi ini diisu dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat apa-apa yang tidak konsisten atau terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris ini akan diguna pakai.

Bertarikh: 3.10.2016